

Headline	TNB komited guna tenaga boleh diperbaharui		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Bisnes	Page No	22
ArticleSize	213 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,942		



TNB komited guna tenaga boleh diperbaharui

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) menyasar untuk meningkatkan saranan tenaga boleh diperbaharui bagi gabungan tenaga daripada dua peratus kepada 20 peratus bagi tempoh 2025 hingga 2030.

Ini menjadi petanda baik bagi industri bekalan elektrik (ESI), yang kini bergelut dengan peningkatan harga arang batu global. Sasaran baharu ini mungkin membolehkan tarif ditetapkan pada kadar lebih stabil pada masa depan, menurut penganalisis.

Bagi menghadapi cabaran berkenaan, industri sebenarnya bersedia mengambil langkah beberapa tahun ke hadapan menerusi kecekapan penjanaan tenaga yang lebih baik melalui loji jana kuasa arang batu.

Semua loji jana kuasa arang batu baharu kini menggunakan teknologi *ultra-supercritical* (USC) yang membakar arang batu dalam kuantiti lebih kecil, namun menjana lebih tenaga dan mematuhi piawaian pelepasan.

Jana kuasa Manjung 4 1,00 MW milik Tenaga Nasional Bhd, yang memulakan operasi pada 2015, adalah loji jana kuasa arang batu USC pertama di Asia Tenggara.

Ia boleh menghasilkan elektrik mencukupi untuk dua juta rumah dengan pengurangan tiga peratus penggunaan arang batu.

Melangkah ke hadapan, kerajaan menyediakan beberapa mekanisme untuk meningkatkan sumbangan tenaga boleh diperbaharui dalam penjanaan kuasa.

Syarikat utiliti nasional

Ini termasuk Skim Pementeran Tenaga Bersih (NEM), loji solar berskala besar (LSS), Skim Pembiayaan Sukuk Hijau dan mekanisme Tarif Galakan.

TNB, syarikat utiliti nasional komited menyokong agenda tenaga boleh diperbaharui kerajaan.

Sebagai sebahagian daripada Pelan Strategik 10 tahunnya, TNB bercita-cita menjadi peneraju ASEAN dalam sektor tenaga boleh diperbaharui ketika permintaan terhadap tenaga

hijau melonjak.

Syarikat itu memulakan LSS terbesar di negara ini melalui projek 50 megawatt (MW) di Kuala Langat, Selangor dan beberapa usaha sama berkaitan stesen jana kuasa biomas dan biogas.

Usaha terbaru TNB adalah melalui anak syarikat tenaga boleh diperbaharui yang mana syarikat itu merancang menawarkan pembiayaan pakej penjanaan sendiri bagi panel solar fotovoltaan (PV) kepada pelanggan kediaman menjelang akhir tahun ini.

Tumpuan jangka pendek kerajaan adalah meneroka projek yang boleh diperbaharui berskala besar dan berdaya maju di bawah tarif sama.

Melalui dorongan kuat MESTECC dan sokongan kukuh TNB dan industri, negara ini bergerak ke arah memenuhi janji kepada Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45 peratus menjelang 2030.

Bernama